



TEKS UCAPAN

**YBhg. DATUK HAJI ABANG ABDUL WAHAP BIN HAJI ABANG JULAI
DATUK BANDAR KUCHING UTARA
NGILING TIKAI GAWAI DAYAK DBKU
15 JUN 2015 (SELASA)
LOBI, IBU PEJABAT DBKU**

OOOOOhaaaaaa..... OOOOOhaaaaaa..... OOOOOhaaaaaa.....

Dr. Saadiah Haji Abdul Samat
Pengarah Dewan Bandaraya Kuching Utara

Puan Durie Austine Tinggie
Tuai Rumah Sambutan Ngiling Tikai Gawai Dayak DBKU 2015

Pegawai-Pegawai Kanan DBKU

Serta seluruh wargakerja DBKU yang saya kasihi sekalian....

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....

Salam Sejahtera, Salam 1 DBKU....

Gayu Guru Gerai Nyamai, Lantang Senang!

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada warga kerja DBKU kerana sudi hadir dan meluangkan masa untuk bersama-sama meraikan upacara Ngiling Tikai Gawai Dayak 2015.

Seperti mana pada tahun lepas, pada tahun ini sekali lagi kita telah mengadakan upacara “Ngiling Tikai”. Upacara yang kita adakan ini adalah bertujuan untuk bersama-sama meraikan Majlis Penutupan Hari Gawai serta berkongsi keriang dan kemeriahan tanpa mengira bangsa ataupun agama.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sepertimana perayaan-perayaan lain yang diraikan oleh masyarakat Malaysia, sambutan Hari Gawai Dayak adalah penting kerana ia dapat membina satu jati diri sesebuah etnik.

Saya percaya adat dan tradisi masyarakat Dayak dapat juga menyumbang kepada semangat perpaduan di negara Malaysia yang kita cintai ini. Ini adalah kerana pada hemat saya setiap etnik di negara ini mempunyai keunikan melalui adat dan budaya masing-masing.

Kemakmuran dan kestabilan negara yang dikecapi di Malaysia pada hari ini juga adalah hasil semangat kerjasama daripada semua kaum sepertimana majlis kita pada petang ini. Ini adalah kunci kepada perpaduan yang menjadi amalan dan sikap toleransi antara satu sama lain.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Oleh itu, peranan semua pihak adalah sangat penting bagi mengekalkan semangat toleransi dan sikap saling hormat-menghormati terutamanya di antara kita sebagai warga kerja DBKU.

Sehubungan itu, upacara Ngiling Tikai yang kita raikan pada petang ini adalah merupakan salah satu contoh terbaik dalam usaha untuk mengeratkan semangat perpaduan di kalangan warga kerja DBKU. Saya percaya sambutan seperti ini juga dapat membantu untuk membentuk semangat kerja secara berpasukan tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

Selain itu, saya juga amat menghargai usaha dan semangat warga kerja DBKU dalam membuat persiapan untuk menganjurkan Upacara Ngiling Tikai Gawai Dayak pada petang ini. Ianya telah dibuktikan melalui kesungguhan dan komitmen dalam menjayakan persembahan kebudayaan, pakaian dan pertuturan sesama anda dan ianya adalah amat mengagumkan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Diharap ikatan silaturrahim dan semangat perpaduan yang erat sebegini dapat terus dikekalkan dan diamalkan di DBKU. Sebelum mengundur diri, pada kesempatan ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua warga kerja DBKU yang terlibat di atas komitmen dan kerja keras bagi menjayakan Upacara Ngiling Tikai pada petang ini.

Hubungan yang baik serta kerjasama yang erat di kalangan semua pihak terutamanya dalam menganjurkan aktiviti atau program untuk sesuatu perayaan adalah amat penting. Tanpa adanya hubungan tersebut maka adalah amat sukar sekali acara sebegini untuk dilaksanakan.

Akhir kata, untuk warga kerja yang beragama Islam pula, pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat menyambut Bulan Ramadhan Al-Mubarak. Semoga Ramadhan kali ini membawa rahmat dan barokah kepada kita semua dan semoga setiap amalan kita sentiasa dirahmati dan diberkati olehNya. In Sha Allah....

Sekian. Terima kasih.